

Perdana Menteri mahu pilihan raya awal?

UM - 29/7/2022 m/s: 6

KUALA LUMPUR: DAP mempersoal adakah Perdana Menteri ingin menyegerakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) seperti yang digesa UMNO.

Ia berikutan kenyataan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam yang memaklumkan tiada lagi Perjanjian Persefahaman (MoU) baharu bakal dimeterai antara kedua-dua pihak itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi parti itu, Lim Guan Eng berkata, secara dasarnya, MoU itu tiada tamat tempoh dan berterusan sehingga tarikh pembubaran Parlimen.

Bagaimanapun, jelasnya lagi,



LIM GUAN ENG

Perdana Menteri harus memberikan penjelasan tentang pendirian mengenai status MoU

tersebut.

“Jika dia membuat ketetapan seperti Perdana Menteri, adakah beliau juga ingin menyegerakan Pilihan Raya?”

“Pada saya, banyak lagi RUU yang penting mesti dibuat, contohnya RUU untuk pembiayaan dana politik, saya juga ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM) diletakkan di bawah Parlimen, bukan Perdana Menteri. Jika tidak, ia akan sentiasa dipolitikkan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Ketika ditanya adakah beliau

akan bertemu dengan Perdana Menteri bagi membincangkan isu berkenaan, Guan Eng berkata, beliau akan berbincang dengan Pakatan Harapan (PH) mengenai perkara tersebut.

“Kita kena bincang dengan PH dulu kalau nak buat sebarang lanjutan, sebab kita tidak membincangkan mengenai perkara ini dalam mesyuarat PH Selasa lalu.

“Pada saya MoU ini tidak tamat pada 31 Julai, cuma ia akan tamat pada pilihan raya sahaja. Bagaimanapun, bila kita capai satu keputusan, baru kita akan maklulkannya,” jelasnya lagi.